

BRIEFING NOTE

YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

UNTUK MESYUARAT PENUH

BIL 5/2020 PADA 26 OGOS 2020

1.0 AYUH PAMERKAN SEMANGAT BULAN KEBANGSAAN DENGAN MENGIBARKAN JALUR GEMILANG

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Julai lalu. Tema Malaysia Prihatin dipilih berikutan usaha semua pihak memerangi pandemik Covid-19 selain menunjukkan inisiatif kerajaan merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat. YAB Perdana Menteri berpesan agar semangat Malaysia Prihatin disemarakkan oleh segenap masyarakat, bukan hanya ketika usaha menamatkan wabak Covid-19. Bersempena bulan Kebangsaan, pihak Majlis menyarankan amalan mengibarkan Jalur Gemilang dibudayakan dalam kehidupan seharian kita dengan rela hati. Kita perlu mengibarkan dengan megah Jalur Gemilang sepanjang tahun tanpa perlu menunggu adanya program Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang. Bagaimanapun, sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini dilihat seolah-olah tiada sambutan daripada masyarakat. Walaupun negara masih dibelenggu pandemik Covid-19, namun ia tidak bermakna semangat patriotik turut lemah. Buktinya, kibaran Jalur Gemilang di bangunan-bangunan premis perniagaan amat lesu, apatah lagi di rumah-rumah kediaman. Oleh itu, pihak Majlis menyeru semua pihak

memainkan peranan menyemarakkan kempen kibarkan Jalur Gemilang dalam norma baharu.

2.0 MASALAH RUMPUT PANJANG DI TANAH LAPANG DAN PADANG PERMAINAN SEDANG DIATASI

Dimaklumkan kerja-kerja pembersihan awam yang dilakukan oleh syarikat konsesi, Puncak Emas Intra Sdn Bhd (PEISB) mengikut skop kerja Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) tidak meliputi kerja-kerja penyelenggaraan pemotongan rumput di tanah lapang dan padang permainan. Justeru itu, pihak Majlis telah melantik enam (6) kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan pemotongan rumput di tanah lapang dan padang serta pembersihan jalan bermula 7 Ogos 2020. Enam kontraktor ditugaskan di enam (6) zon iaitu Zon A di kawasan Bukit Jana, Kamunting Lama, dan Batu Kurau; Zon B di Kamunting Baru; Zon C di Bandar Taiping; Zon D di Assam Kumbang dan Aulong; Zon E & F di Tupai, Pokok Assam dan Simpang; dan Zon G di Matang, Kuala Sepetang, Changkat Jering, Trong, dan Batu Hampar. Terdapat 299 padang dan tanah lapang di kawasan operasi MPT dan pihak kontraktor yang telah dilantik perlu menjalankan kerja-kerja rutin mengikut perjanjian kontrak yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Semoga dengan lantikan kontraktor ini dapat menyelesaikan aduan mengenai rumput panjang di tanah lapang dan padang permainan.

3.0 SESI PERBINCANGAN BERFOKUS BAGI RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK), TAIPING BANDAR WARISAN (PENGGANTIAN)

Satu Sesi Perbincangan Berfokus bagi Rancangan Kawasan Khas (RKK), Taiping Bandar Warisan (Penggantian) telah diadakan pada 13 Ogos 2020 bertempat di Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping. Seramai 70 orang yang telah menghadiri sesi perbincangan ini yang terdiri daripada Pengurus hotel-hotel di Taiping, Badan-badan bukan kerajaan, Pemilik 40 *Point of Interest* (POI) Laluan Jejak Warisan Taiping, dan Pemaju-pemaju dan ketua-ketua jabatan daerah. Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan peta cadangan dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan-cadangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan sesuatu kawasan khas. Pihak Majlis bersama-sama Pejabat Projek Zon Tengah PlanMalaysia dalam rangka untuk menyediakan Rancangan Kawasan Khas Taiping Bandar Warisan Penggantian. Proses permulaan bagi penyediaan Rancangan Kawasan Khas (Penggantian) ini adalah Sesi Perbincangan Berfokus dimana dihadiri oleh Pihak berkepentingan, Jabatan Teknikal berkaitan

serta lain-lain yang difikirkan dapat membantu menyediakan satu rangka awal untuk penggantian RKK ini.

4.0 ENVIRONMENTAL VEHICLE (EV-BUS) UNTUK MELAWAT JEJAK WARISAN TAIPING

Seperti yang dinanti-nanti, sebuah *Environmental Vehicle* (EV) *Bus* bakal dilihat mengelilingi laluan Jejak Warisan Taiping sejauh 11.5 km bersama-sama pelawat dan pelancong. *EV Bus* yang diberikan oleh kerajaan Jepun kepada MPT melalui program kerjasama kerajaan negeri Perak dengan *Japanese International Cooperation Agency* (JICA) adalah sebagai satu usaha untuk menjayakan program melestari Bandar Taiping dan mempromosikan program persekitaran hijau. Operasi *EV Bus* ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Majlis dan penyelenggaraan teknikal oleh Tetuan Dream Edge. Perancangan pelaksanaan *EV Bus* di laluan Jejak Warisan akan diperkemas dengan beberapa ketetapan seperti jarak laluan, bayaran tambang dan lain-lain pekej yang bersesuaian agar impak dari lawatan akan memberi manfaat kepada aktiviti pelancongan Taiping secara optimum. Bas tersebut kini sedang dalam proses pemeriksaan oleh pihak yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Jalan (JPJ), PUSPAKOM dan

pemasangan '*Bus Wrap*' di Cyberjaya, Selangor dan dijangka tiba di Taiping pada September tahun ini.

5.0 PROMOSI TIKET PERCUMA ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI (ZTNS) SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN YANG KE 63

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan yang ke 63 dengan bertemakan Malaysia Prihatin, pihak ZTNS menawarkan tiket percuma pada 31 Ogos 2020 kepada:

- **Setiap pengunjung yang berusia 63 tahun; dan**
- **Pengunjung yang tarikh lahir jatuh pada 31 Ogos.**

Pengunjung yang layak menerima promosi ini perlu mengemukakan MyKad / My Kid / Salinan Surat Beranak ke Kaunter Tiket ZTNS bagi menebus tiket percuma. Tawaran ini hanya sah laku kepada warganegara Malaysia sahaja.

6.0 KUIZ PELANCONGAN TAIPING MENERUSI VIDEO PROMOSI 'TAIPING UNLOCKED'

Pihak Majlis telah mengambil inisiatif memperkenalkan Taiping sebagai destinasi pelancongan pilihan dengan menganjurkan satu program yang dinamakan '**TAIPING - Tak kenal maka tak cinta, dah kenal akan rindu sentiasa**'. Sebanyak 10 episod video pendek berdurasi kurang dari 5 minit telah disiarkan setiap minggu dengan kekerapan, dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa dan Khamis di platform media sosial MPT. Pemenang yang terpilih telah berjaya mendapatkan dua (2) pas percuma ke Zoo Taiping atau Night Safari dan barangan cenderamata. Inisiatif ini akan diteruskan lagi menerusi video travelogue 'HamzTravel' sebanyak enam episod yang akan disiarkan tidak lama lagi.